

12 JAN 1998

KENAIKAN HARGA BUKU IMPORT TAK JEJAS TARIKAN KAMPUNG BUKU

LANGKAWI, 12 Jan (Bernama) -- Kenaikan harga buku import akibat kejatuhan nilai ringgit tidak akan mengurangkan daya tarikan Kampung Buku Malaysia di Lubuk Semilang di sini kerana pengunjung boleh memilih sama ada untuk membeli, membaca atau menyewa buku di situ.

"Tidak semestinya harga buku import naik, Kampung Buku akan terjejas kerana ia menawarkan alternatif untuk membeli buku terpakai ataupun menyewa buku-buku baru," katanya Pengerusi Jawatankuasa Kampung Buku Abdul Rahman Ariffin hari ini.

Beliau berkata Kampung Buku itu memberi peluang kepada pelancong menikmati keindahan kawasan rekreasi yang ada di situ serta berpeluang membaca buku sambil berehat berdekatan air terjun.

Abdul Rahman berkata sejak Kampung Buku itu dirasmikan oleh Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Dis lepas, 25,000 pelawat telah mengunjunginya.

Kampung Buku itu merupakan yang pertama di Asia Tenggara daripada 12 kampung buku yang terdapat di seluruh dunia.-- BERNAMA

NH MAI